

PANDUAN PENAMATAN PERNIAGAAN

Penamatan Perniagaan boleh didaftarkan atas sebab-sebab berikut:

- 1. Berhenti Berniaga**
- 2. Pembubaran Perkongsian**
- 3. Kematian**
- 4. Perintah Mahkamah**

Prosedur Penamatan Perniagaan

1. Pemilik atau semua rakan kongsi perlu mengemukakan permohonan secara atas talian di ezbiz.ssm.com.my. Pemohon perlu berdaftar sebagai sebagai Pengguna Ezbiz Online terlebih dahulu. Sila rujuk [Tatacara Mendaftar Akaun Pengguna Ezbiz](#) dan [Tatacara Pengguna Ezbiz Penamatan Perniagaan](#).
2. Buat masa ini, permohonan penamatan perniagaan melalui Ezbiz Online hanya dibenarkan untuk tujuan berhenti berniaga dan pembubaran perkongsian.
3. Bagi kes kematian pemilik tunggal atau rakan kongsi, permohonan penamatan perniagaan hanya boleh dilaksanakan melalui kaunter sahaja dan dikemukakan oleh waris terdekat. Sila kemukakan sijil kematian dan juga perakuan pendaftaran perniagaan (Borang D atau E yang terkini).
4. Dokumen yang perlu dilampirkan:
 - (a) Perakuan Pendaftaran Perniagaan (Sijil D/E) yang terkini; dan
 - (b) Sijil kematian (dokumen asal atau salinan yang telah disahkan) sekiranya penamatan disebabkan oleh kematian pemilik; atau
 - (c) Dokumen perintah mahkamah (dokumen asal atau salinan yang telah disahkan) sekiranya penamatan atas perintah mahkamah; atau
 - (d) Dokumen berkaitan (dokumen asal atau salinan yang telah disahkan) sekiranya pemilik bankrap.

Fi Pendaftaran

1. Pendaftaran Penamatan Perniagaan – Tiada bayaran
2. Cetakan Maklumat Perniagaan – RM 10.00

Panduan Am

1. Pemilik atau Orang Yang Bertanggungjawab (OYB), merujuk dibawah seksyen 2 "Taksiran" APP 1956 untuk memfailkan pemberitahuan penamatan perniagaan dalam tempoh 30 hari kepada Pendaftar/SSM di mana suatu perniagaan berdaftar telah ditamatkan.
2. Perniagaan berdaftar yang **belum tamat tempoh** perakuan pendaftaran perniagaan dibenarkan mengemukakan pemberitahuan penamatan perniagaan.
3. Perniagaan berdaftar yang **telah luput tempoh** pendaftaran, tidak perlu mengemukakan pemberitahuan penamatan perniagaan. Pemilik atau rakan kongsi boleh membeli Surat Pengesahan Tamat Tempoh Pendaftaran Perniagaan di portal e-Info (www.ssm-einfo.my) atau portal Mydata (www.mydata-ssm.com.my).
4. Sesuatu perniagaan berdaftar **terbatal pendaftaran** selepas kematian pemilik tunggal atau kematian sekutu perniagaan itu dan tidak terdapat sekutu perniagaan yang masih hidup atau orang yang bertanggungjawab bagi perniagaan itu, wakil peribadi atau waris kadim hendaklah dalam masa empat (4) bulan dari tarikh kematian mengemukakan borang pemberitahuan penamatan perniagaan kepada pihak Pendaftar/SSM.
5. Gagal mengemukakan notis penamatan perniagaan dan jika disabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara bagi tempoh tidak melebihi satu (1) tahun atau kedua-duanya.